

# Anwar dakwa Dr Mahathir tak konsisten

**D**UNGUN: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad tidak konsisten, dalam kritiknya terhadap pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, terutama berkaitan isu pemberian permit import (AP).

"AP bukan masalah baru kerana ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau tidak mahu mengambil tindakan terhadap Rafidah (Datuk Seri Rafidah Aziz) walaupun saya sudah menyerahkan kertas pendakwaan yang dikemukakan Peguam Negara.

"Dr Mahathir kata Peguam Negara tidak tahu pasal politik. Saya mempunyai bukti kerana kertas pendakwaan itu masih saya simpan.

"Pada hari saya dibuang (dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri), saya mengambil kertas pendakwaan itu yang disimpan di pejabat saya," katanya pada majlis sambutan 50 tahun Pas Terengganu di sini, malam kelmarin.

Penasihat Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) itu juga mendakwa Dr Mahathir melindungi bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik yang didakwa mempunyai hubungan dengan pelajar perempuan berusia 15 tahun.

Anwar turut mempersoalkan motif Dr Mahathir melemparkan pelbagai tuduhan terhadap pentadbiran Abdullah.

"Apa yang direbut? Adakah ia mampu membawa perubahan pada rakyat? Apakah yang hendak dibangunkan itu dapat menjamin keadilan? Adakah dapat mewujudkan kesedaran untuk mengimarahkan Islam?

"Adakah untuk memastikan undang-undang itu adil? Apakah ada keinginan untuk membersihkan parti atau untuk kurangkan harga petrol?," katanya.

Beliau juga mendakwa Dr Mahathir pernah berurusan dengan Bank Dunia secara sulit untuk mendapatkan pinjaman pada 1999.

Anwar berkata, tindakan Dr Mahathir berurusan dengan Bank Dunia itu terbongkar apabila beliau dilantik sebagai perunding Bank Dunia awal tahun ini.

Beliau bagaimanapun mengakui Dr Mahathir berhak mengkritik kepimpinan Perdana Menteri.